

Bagi mengelak terperangkap dalam kesesakan

Ikut jadual perjalanan disyor PLUS

UM (16/09/09) m/s 8

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

SUBANG 15 Sept. – Para pengguna jalan raya yang bakal membuat perjalanan pulang sempena cuti Hari Raya Aidilfitri dinasihatkan supaya mengikut jadual cadangan waktu perjalanan yang dikeluarkan oleh PLUS Expressways Bhd. (PLUS) bagi mengelak terperangkap dalam kesesakan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, cadangan waktu perjalanan itu menjadi antara faktor utama terhadap kelancaran aliran trafik di Lebuhraya Utara-Selatan dan jadual itu telah diiktiraf oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Ini adalah satu inisiatif daripada PLUS berdasarkan kajian tentang pola perjalanan orang ramai pada musim perayaan sejak beberapa tahun lalu.

"Ia merupakan cadangan perjalanan berperingkat mengikut

masa dan destinasi tertentu yang telah terbukti banyak mengurangkan kesesakan berdasarkan pengalaman lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat dan meninjau operasi Pusat Kawalan Trafik (TMC) di Persada PLUS di sini hari ini.

Sementara itu, ditanya mengenai lawatannya ke TMC, Shaziman berkata, beliau gembira dengan persiapan rapi yang telah diambil PLUS bagi menghadapi pertambahan kenderaan yang dijangka berjumlah 1.3 juta buah sehari pada musim perayaan kali ini.

Katanya, PLUS telah mengambil pelbagai langkah proaktif antaranya menempatkan sehingga 3,000 kakitangan di plaza-plaza tol dan kawasan Rehat dan Rawat (R&R).

Selain itu, tambah beliau, PLUS turut menempatkan pasukan bantuan kecemasan di 12 lokasi strategik di sepanjang lebuhraya dan


operasi mereka turut dibantu dengan 1,600 sistem kamera litar tertutup (CCTV) yang telah sedia terpasang.

Dalam perkembangan berkaitan, Shaziman memberitahu, pada musim perayaan kali ini buat pertama kalinya PLUS akan menggunakan skrin pelindung kenderaan bagi menutupi kenderaan yang terbabit dengan kemalangan.

Katanya, langkah itu bertujuan mengelakkan orang ramai daripada memperlakukan kenderaan masing-masing untuk melihat kesan kemalangan sehingga menyumbang terhadap kesesakan.

"Skrin pelindung ini hanya akan digunakan terhadap kemalangan yang tidak melibatkan kematian.

"Kita hendak memastikan pengguna jalan raya yang lain tidak memperlakan atau memberhentikan kenderaan mereka semata-mata untuk melihat kesan kemalangan," jelasnya.



SHAZIMAN Abu Mansor (kanan) meninjau operasi di Pusat Kawalan Trafik PLUS diiringi Ketua Pegawai Operasi PLUS, Nik Airina Nik Jaafar di Subang Jaya, Selangor, semalam.